

05 OCT 1996

Timur

DASAR PANDANG KE TIMUR KINI UNTUK LAHIRKAN PENGUSAHA BARU

Oleh: M. Jegathesan

TOKYO, 5 Okt (Bernama) -- Dasar Pandang Ke Timur (LEP) yang berusia lebih satu dekad kini mengambil arah baru yang memberi tumpuan terhadap usaha melatih rakyat Malaysia dalam bidang industri berteknologi tinggi untuk menubuhkan kilang-kilang mereka sendiri.

"Kita mahu supaya jurutera tempatan yang menerima latihan di sini muncul sebagai pembekal komponen kepada syarikat-syarikat Jepun dan pihak Jepun mengubah sikap mereka yang hanya melatih rakyat Malaysia semata-mata untuk bekerja dengan syarikat-syarikat Jepun saja," kata Duta Besar Malaysia Tan Sri Mohamed Khatib Abdul Hamid di sini hari ini.

Dasar itu kini memasuki tahun ke-14 dan kerajaan Jepun telah bersetuju untuk melanjutkannya sehingga tahun 2000. Ia diperkenalkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan tujuan untuk menanam etika kerja positif di kalangan rakyat Malaysia dengan menjadikan Jepun dan Korea Selatan sebagai contoh.

Khatib berkata demikian dalam satu temubual dengan wartawan-wartawan Malaysia yang sedang berada di Jepun mengikuti Program Fellowship Pusat Akhbar Luar Asia Pasifik.

Sejak 1984, bilangan rakyat Malaysia yang dihantar ke Jepun untuk mendapatkan latihan kemahiran dan pendidikan semakin meningkat. Jumlah penuntut yang dihantar dari 1984 hingga 1986 ialah 1,163.

Sejumlah 677 pekerja dihantar untuk menjalani latihan teknikal selain 95 tenaga pengajar dalam tempoh yang sama.

Khatib berkata dasar baru itu penting bagi mencapai Wawasan 2020 dan sejajar juga dengan pelan induk perindustrian negara yang memberikan tumpuan terhadap industri berteknologi tinggi dan pembuatan komponen bagi menggantikan industri yang menggunakan tenaga pekerja yang ramai.

Kemajuan ekonomi Malaysia yang pesat turut membawa beberapa masalah yang bersangkutan. Antaranya ialah kekurangan tenaga pekerja yang membawa kepada kemasukan pekerja asing serta masalah defisit akaun semasa dalamimbangan pembayaran negara.

Khatib berkata sejajar dengan dasar baru itu, kerajaan akan menghantar penuntut lepasan ijazah ke Jepun untuk mendapatkan kemahiran dalam beberapa industri tertentu.

"Malaysia memerlukan usahawan yang berani dan berwawasan bagi memasarkan keluaran mereka di peringkat antarabangsa. Apabila negara memasuki tahap perindustrian yang lebih tinggi, mentaliti makan gaji perlu dihapuskan," kata beliau.

Khatib berkata perbelanjaan bagi menghantar penuntut ke Jepun adalah sangat tinggi.

"Bagi setiap penuntut yang dihantar ke Jepun, kita boleh menghantar empat penuntut ke Amerika Syarikat," katanya.

Di samping memperolehi pengetahuan dan kemahiran, rakyat Malaysia perlu menjalin hubungan perniagaan dengan usahawan Jepun.

Khatib juga berkata satu program khas bagi melatih 200 jurutera dari Yayasan Pelajaran Mara sedang dilaksanakan di Jepun. Seramai 134 penuntut telahpun berada di sini.

"Kami berharap penuntut lepasan ijazah ini akan mendapat kepakaran dan menjadi teras dalam program perindustrian baru negara," kata beliau. --

BERNAMA

JSM MZ MAI